

Kaabah Sebagai Kiblat

Maka palingkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram, dan di mana sahaja kamu sekalian berada, maka hadapkanlah wajah kamu ke arahnya (Al-Baqarah : 150)

Huraian

Ayat di atas merupakan dalil wajib mengadap ke arah kiblat ketika solat. Mengadap kiblat adalah syarat sah solat yang keempat. Maksud kiblat ialah bangunan Ka'abah.

Nabi saw mengajar orang yang hendak mendirikan solat :

"Apabila kamu hendak mendirikan solat, sempurnakanlah wudhu' kemudian hadapkanlah dirimu ke arah kiblat dan bertakbirlah" (HR Al-Bukhari & Muslim)

Tarikh disyariatkan mengadap ke arah kiblat

Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Al-Barra' bin Azib katanya :

Rasulullah saw telah bersolat mengadap Baitul Maqdis selama 16 atau 17 bulan dan baginda sangat suka untuk mengadap ke arah Kaabah. Lalu Allah menurunkan ayat yang bermaksud : Sesungguhnya Kami sering melihat mukamu mendongak ke langit(Al-Baqarah : 144) Maka Rasulullah saw mengadap ke arah Ka'abah.

Oleh itu, tarikh ia disyariatkan mengadap Ka'abah ialah pada awal-awal Hjirah Nabi saw.

Cara mengetahui arah kiblat

Ia terdiri dari dua keadaan iaitu orang yang bersembahyang berada berdekatan dengan Ka'abah dan dapat melihatnya jika dia mahu atau berada berjauhan darinya dan tidak dapat melihatnya.

Pada keadaan pertama (berdekatan Ka'abah), orang yang bersolat wajib mengadap ke arah zat Ka'abah dengan yakin. Manakala keadaan yang kedua (berjauhan dari Ka'abah), orang yang bersolat wajib mengadap ke arah zat Ka'abah berasaskan dalil-dalil / tanda-tanda yang zanni (sangkaan) jika tidak boleh berasaskan dalil qat'ie (diyakini benar).

Dipetik dari Kitab Fikah Mazhab Syafie Juz 1. Tulisan Dr Mustofa Al-Khin, Dr Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji